

Waspada taktik kotor pembangkang — Dr. M

UM 7 OCT 2002

KUALA LUMPUR 6 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) supaya berwaspada dengan taktik kotor parti pembangkang yang cuba merampas kuasa secara tidak demokratik.

Perdana Menteri berkata, parti pembangkang akan melakukan apa sahaja untuk mencapai matlamat mereka untuk merampas kuasa.

“Kita dapat lihat bagaimana puak pembangkang yang kecewa tidak mendapat sokongan majoriti rakyat, menggunakan taktik kotor untuk menipu dan memanipulasi daftar pemilih untuk merampas kuasa secara tidak demokratik.

“Tidak boleh secara demokratik menerusi pilihan raya, terdapat juga elemen-elemen daripada parti lawan yang sanggup cuba merampas kuasa secara kekerasan,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Perhimpunan Agung Parti Progresif Rakyat (PPP) ke-49 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Dr. Mahathir berkata, taktik kotor pembangkang itu dapat dikesan dalam pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Anak Bukit dan Parlimen Pendang, Julai lalu apabila berlaku perpindahan nama pengundi dari satu kawasan ke satu kawasan lain untuk menentukan kemenangan parti pembangkang.

Ekoran itu, katanya, BN mula sedar tuduhan pembangkang mengenai terdapatnya pengundi hantu setiap kali pilihan raya diadakan.

“Sebenarnya mereka mengesyaki penipuan yang dibuat oleh mereka, dibuat juga oleh kita.

“Memang penyokong BN bukan berhajat untuk

mengundi dalam pilihan raya kecil di kawasan yang bukan mereka mendaftar sebagai pengundi. Yang buat kerja itu ialah parti pembangkang,” katanya.

Bagaimanapun, tambahnya, tiada siapa yang boleh menafikan bahawa pilihan raya di Malaysia adalah bebas dan adil walaupun pelbagai tohmahan dilemparkan oleh parti pembangkang.

Selain itu, Dr. Mahathir menggesa parti-parti komponen dalam BN supaya tidak mudah dipengaruhi dengan pandangan puak ekstrem.

“Walaupun parti komponen BN terdiri daripada parti-parti yang mewakili pelbagai kaum namun kita harus mengambil pendekatan yang sederhana. Kita harus rasional,” tegasnya.

Setiap parti komponen, katanya, perlu berani menegakkan kebenaran dan membuat keputusan

yang akan memberi manfaat kepada semua dan bukannya sesuatu kaum sahaja.

Parti-parti komponen BN juga, menurutnya, perlu mengelakkan daripada sebarang persengketaan bagi mengelakkan daripada dimanipulasi oleh puak ekstrem.

“Ugutan puak ekstrem untuk mengurangkan undi parti kerajaan akan digunakan berkali-kali jika mereka dapati kita mudah tunduk kepada ugutan mereka,” katanya.

Beliau memberitahu, antara isu yang dipolitikkan oleh puak ekstrem untuk memecahbelahkan rakyat termasuk isu Sekolah Wawasan dan rancangan kerajaan kononnya untuk menghapuskan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC).

“Kerajaan tiada tujuan sama sekali untuk menghapuskan SJKC ini,” tegasnya.